

Dr. M pemimpin paling layak hapus tanggapan salah terhadap Islam

UM 29 MAY 2002

KUALA LUMPUR 28 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan pemimpin paling layak untuk berbincang mengenai persefahaman antara agama berdasarkan pengalaman beliau mentadbir negara yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum dan agama.

Setiasaha Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, Thiagarajah Ratnasamy berpendapat, undangan pemimpin tertinggi Katholik, Pope John Paul II untuk bertemu Dr. Mahathir adalah berdasarkan kredibiliti Perdana Menteri sendiri.

Sambil mengalu-alukan persetujuan Dr. Mahathir untuk bertemu Pope John Paul II, beliau berharap perjumpaan itu kelak akan menghapuskan salah tanggapan masyarakat

antarabangsa terhadap Islam yang dikaitkan dengan keganasan selepas insiden 11 September di New York pada tahun lepas.

Malah, katanya, kedua-dua pemimpin juga boleh menyumbangkan idea dan bekerjasama ke arah mewujudkan kedamaian dan keharmonian di Palestine yang kini masih dibelenggu oleh anasir keganasan.

“Pertemuan ini juga tepat pada masanya berdasarkan kewibawaan Perdana Menteri yang diiktiraf bukan sahaja oleh rakyat tempatan malah di kalangan masyarakat antarabangsa,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas persetujuan Dr. Mahathir untuk menerima jemputan Pope John Paul II semasa lawatan kerja beliau ke

Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu akan disampaikan kepada jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet, esok.

Thiagarajah juga yakin, pertemuan antara kedua-dua pemimpin yang akan berlangsung di Vatican City itu akan membuahkan hasil yang mampu dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat yang tertekan akibat kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak tertentu sejak kebelakangan ini.

“Kita yakin Dr. Mahathir mampu meyakinkan masyarakat dunia bahawa tindakan memerangi keganasan tidak harus tertumpu kepada kelompok tertentu dari satu agama sahaja,” katanya.